

**Galakkan Pendidikan Dengan Nilai-nilai Positif, Kata Najib
Bernama
13 Oktober , 2011**

MELAKA, 13 Okt (Bernama) -- Penubuhan Akademi Pengajian Han Malaysia (MAHS) akan membantu memupuk konsep pendidikan yang bukan sahaja menggalakkan kecemerlangan akademik tetapi juga nilai-nilai positif yang amat diperlukan manusia.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pengetahuan tanpa penerapan nilai-nilai positif boleh membahayakan.

"Terdapat sokongan besar terhadap konsep pendidikan yang menggalakkan bukan sahaja kecemerlangan akademik tetapi juga pengetahuan praktikal untuk membawa kegembiraan dan keamanan kepada kehidupan rakyat," katanya pada majlis pecah tanah bagi projek akademi itu di sini Khamis.

Beliau memberikan contoh ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Melaka yang merangkumi 317 buah kapal dan 28,000 anak kapal yang boleh menjadi ekspedisi untuk menawan Kesultanan Melayu, sepertimana dilakukan oleh Portugis dan Belanda.

Namun, Najib berkata ekspedisi Cheng Ho ke Melaka sebaliknya adalah untuk tujuan menjalin persahabatan, muhibah dan kerjasama yang dihulurkan oleh laksamana beragama Islam itu kepada Kesultanan Melayu itu dan rakyatnya.

"Mereka (ekspedisi Laksamana Cheng Ho) mempunyai pengetahuan dan cara untuk menawan Kesultanan Melayu tetapi memilih untuk tidak berbuat demikian dan sebaliknya menjalin kerjasama," katanya dan menambah terdapat perbezaan jelas dengan ekspedisi Portugis dan Belanda ke Melaka.

"Han" menurut Najib, ialah identiti etnik yang meliputi 94 peratus populasi di Tanah Besar China, menjadikannya kaum etnik terbesar di dunia.

Daripada segi sejarah, zaman Dinasti Han dianggap sebagai "Zaman Keemasan" dalam sejarah China.

"Pengajian Han boleh memberikan pengetahuan falsafah mengenai tingkah laku manusia dengan fokus terhadap nilai murni dan rasa hormat di kalangan manusia, yang pada fikiran saya adalah amat diperlukan pada masa dan zaman ini," kata Najib.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ali Rustam, Pengerusi Kehormat MAHS Prof Chin Kung dan Pengerusi MAHS Tan Sri Lee Kim Yew.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619790>